

Apa masyarakat Cina benar-benar mahu?

MalaysiaKini.com

February 20, 2012

S Thayaparan

Sekurang-kurangnya, kita sekarang maklum dan terima kasih kepada Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng bahawa "PAS tidak pernah membunuh satupun orang Cina. Ini adalah kenyataan." Implikasinya, bahawa Umno pula? Adakah ini juga satu "kenyataan"? Jadi, masyarakat Cina tidak mempunyai apa yang perlu dibimbangkan.

Oleh itu, mereka juga tidak perlu bimbang tentang hukum syariah yang PAS begitu cenderung untuk tegakkan; hudud tidak membunuh manusia, sebaliknya manusia yang melakukannya.

Jika anda benar-benar adalah parti berbilang kaum, tidakkah betul untuk berhujah bahawa "PAS tidak pernah membunuh satupun rakyat Malaysia" (Sepanjang pengetahuan saya mereka tidak membunuh Kugan, Amirulrashid Amzah dan Ahmad Sarbani, - sekadar menamakan beberapa individu) dan adakah DAP benar-benar berpendapat bahawa pembunuhan Teoh Beng Hock adalah berkaitan perkaumandan bukan bermotifkan politik?

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/189658>